



# Factsheet CAT13

## Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 13: wad di hospital kerajaan atau swasta

Malay | Bahasa Melayu



Wad hospital kerajaan atau swasta yang biasanya ada kanak-kanak dirawat, termasuk semua wad di Perth Children's Hospital (PCH - Hospital Kanak-Kanak Perth) dan wad tertentu (termasuk wad kesihatan mental) di hospital lain yang biasanya ada kanak-kanak belasan tahun dirawat di wad yang juga ada orang dewasa.

Unit Kecemasan, bilik pembedahan, dan beberapa tempat pembedahan harian, yang biasanya ada kanak-kanak dirawat, juga dianggap 'wad' di hospital kerajaan mengikut *Working with Children (Screening) Act 2004*.

### Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa contoh jawatan yang dianggap [kerja berkenaan kanak-kanak](#).

Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang **kanak-kanak (child)**. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- pekerja perubatan dan paramedik wad di hospital yang biasanya ada kanak-kanak sebagai pesakit
- pekerja pembantu, pekerja kebersihan, dan pekerja katering di wad hospital yang biasanya ada kanak-kanak dirawat dan ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas mereka yang biasa
- doktor umum atau doktor pediatrik yang melawat wad yang biasanya ada kanak-kanak sebagai pesakit
- profesional kesihatan yang melakukan khidmat patologi, khidmat imej perubatan/sonografi, dan khidmat doktor gigi, misalnya, untuk kanak-kanak di wad yang biasanya ada kanak-kanak dirawat
- **sukarelawan (volunteers)** untuk program pelawat yang ada kontak dengan kanak-kanak di wad yang biasanya ada kanak-kanak dirawat.

## **Exemption (kelonggaran)**

Ada beberapa [exemption](#) untuk kategori ini:

- sukarelawan muda – kerja yang dilakukan oleh sukarelawan bawah umur 18 tahun
- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- kalau kanak-kanak mengikuti aktiviti, atau biasanya mengikuti aktiviti, dan **ibu atau bapanya (parent)** menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption.](#)

Kalau ada soalan berkenaan kategori ini, lihat [Factsheet ORG06 – Working with Children Checks, health sector](#) (WWC Check, bidang kesihatan).

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di [www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au)